

# Terus bina perpaduan demi kesejahteraan bersama

## Berita Minggu

AHAD, 9 FEBRUARI 2025

### Lidah Pengarang

Dua perkembangan berhubung keharmonian menggambarkan Singapura terus berada dalam landasan yang betul dalam mempertingkatkan perpaduan dan keharmonian antara kaum. Pertama, Undang-Undang Mengekalkan Keharmonian Kaum – yang memperkukuh undang-undang yang ada dan menyediakan perlindungan tambahan – telah diluluskan Parlimen baru-baru ini.

Berkaitan dengannya, dapatan tinjauan berhubung Keharmonian Kaum dan Agama memberi gambaran perpaduan sosial yang lebih positif – perpaduan dan keharmonian yang semakin utuh.

Tinjauan oleh Institut Kajian Dasar (IPS) itu antara lain mendapati lebih tiga perempat (77.6 peratus) responden mempercayai lebih separuh orang Cina, dan sekitar dua pertiga responden mempercayai lebih separuh orang Melayu (69.7 peratus), India (68.6 peratus) dan Serani (67.4 peratus) akan membantu mereka jika berlakunya krisis nasional. Dapatan itu memberi gambaran lebih baik berbanding dapatan daripada kajian serupa pada 2018 dan 2013.

Diskriminasi di tempat kerja juga didapati semakin berkurang. Namun tinjauan itu mendapati ia masih

“Keharmonian antara kaum adalah antara tunggak dan asas penting yang membolehkan negara menumpukan lebih perhatian dalam mengatur langkah dalam dunia yang tidak menentu. Kemantapan negara dan perpaduan masyarakat telah membolehkan Singapura berubah daripada negara dunia ketiga kepada liga utama dalam masa sesingkat 60 tahun. Ia adalah hasil daripada usaha bersama banyak pihak – pemerintah, pemimpin masyarakat dan rakyat menerusi pelbagai pendekatan. Sedang keadaan itu memberangsang, kita tidak boleh berpuas hati, malah harus terus mempergiat usaha meningkatkan lagi tahap perpaduan dan penerimaan dalam masyarakat. Hubungan antara kaum sentiasa rapuh, mudah rentan dan boleh tercabar dengan perkataan dan perbuatan yang tidak bertanggungjawab.”

menjadi kebimbangan kumpulan minoriti, terutama berhubung permohonan pekerjaan dan kenaikan pangkat.

Dapatan lebih positif itu dan undang-undang yang baru diluluskan mencerminkan kesungguhan negara ini – sebuah negara berbilang bangsa, bahasa dan kepercayaan – mempertingkatkan perpaduan dan keharmonian sedang ia menyambut ulang tahun kemerdekaan ke-60, SG60, tahun ini.

Keharmonian antara kaum adalah antara tunggak dan asas penting yang membolehkan negara menumpukan lebih perhatian dalam mengatur langkah dalam dunia yang tidak menentu. Kemantapan negara dan perpaduan masyarakat telah membolehkan Singapura berubah daripada negara dunia ketiga kepada liga utama dalam masa sesingkat 60 tahun.

Ia adalah hasil daripada usaha bersama banyak pihak – pemerintah, pemimpin masyarakat dan rakyat

menerusi pelbagai pendekatan.

Sedang keadaan itu memberangsang, kita tidak boleh berpuas hati, malah harus terus mempergiat usaha meningkatkan lagi tahap perpaduan dan penerimaan dalam masyarakat. Hubungan antara kaum sentiasa rapuh, mudah rentan dan boleh tercabar dengan perkataan dan perbuatan yang tidak bertanggungjawab.

Rentak pembangunan yang tidak serata di kalangan kaum berbeza juga boleh menjadi cabaran yang menyukarkan keharmonian jitu dicapai.

Semua pihak – pemerintah, pemimpin masyarakat, pertubuhan, majikan dan rakyat – perlu terus memainkan peranan masing-masing memupuk perpaduan menerusi pelbagai penjurong termasuk menerusi sistem pendidikan, memperluaskan ruang bersama, memupuk sikap saling menghargai dan menghormati perbezaan, meraikan kebersamaan, berpegang pada meritokrasi dalam pekerjaan dan kenaikan pangkat.

Usaha memupuk keharmonian dan mempertingkatkan perpaduan adalah proses yang panjang dan tidak berkesudahan. Hanya dengan kesedaran dan usaha bersama, kerencaman dalam masyarakat berbilang kaum akan menjadi kelebihan, bukan hambatan, untuk terus bertakat dalam dunia yang mencabar.

Dengan pemahaman yang sama, kita akan dapat menjiwai makna sebenar bangsa Singapura seperti yang tergambar dalam ikrar negara: rakyat yang bersatu padu, tidak kira apa bangsa, bahasa, atau agama... membina masyarakat yang demokratik, berdasarkan kepada keadilan dan persamaan untuk mencapai kebahagiaan, kemakmuran dan kemajuan bagi negara.